

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

KKM lulus 332 rayuan permohonan pegawai perubatan

Kota Bharu: Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan rayuan permohonan penempatan 332 pegawai perubatan di seluruh negara, sekali gus mereka perlu melapor diri, hari ini.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, antara rayuan dipertimbangkan kerana pegawai sedang mengikuti pengajian kepakaran, menghadapi masalah keluarga serius dan ancaman keselamatan.

"Rayuan ini diluluskan pada 27 Jun dan 24 Julai lalu selepas menerima 1,843 rayuan daripada 4,155 pegawai perubatan yang ditawarkan ke jawatan tetap.

"Urusan penempatan pada kali ini dibuat menerusi sistem dan memerlukan pegawai memilih penempatan kerana jurang antara jumlah pegawai kontrak dan perjawatan tetap yang tinggi di beberapa negeri selain memberi peluang yang sama rata kepada pegawai untuk memilih penempa-

tan," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, KKM menyediakan saluran untuk pegawai merayu menerusi e-mel, *google form*, rayuan bersemuka, malah tiga talian telefon yang khusus bagi membolehkan pegawai menghubungi Bahagian Sumber Manusia.

"Dalam urusan rayuan pula, Jawatankuasa Rayuan bersidang menimbang semua rayuan pegawai. Namun, tidak semua rayuan dapat diluluskan ekoran tiada kekosongan jawatan di negeri dimohon dan pertimbangan diberi kepada rayuan yang lebih memerlukan.

"Rayuan dipertimbangkan juga menyebabkan pegawai perlu ditawarkan ke mana-mana negeri di Semenanjung yang berdekatan (kebanyakannya bukan mengikut rayuan) seperti Johor, Pahang dan Kedah berikutan tiada kekosongan jawatan di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

HOSPITAL SWASTA MAKIN SESAK

**Kekurangan jururawat
beri tekanan
kepada hospital
buka wad tambahan**

Oleh NUR HUDA MUSA
dan HARRITH HISHAM

PETALING JAYA –
Peningkatan jumlah pesakit
selain kekurangan jururawat
menjadi antara punca
berlakunya kesesakan di
hospital-hospital swasta
di seluruh negara sejak

kebelakangan ini.

Kedua-dua keadaan ini
membimbangkan apabila
kebanyakannya pesakit yang
datang untuk mendapatkan
rawatan ketika ini adalah
mereka yang dijangkiti
wabak influenza.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Hospital swasta makin sesak

DARI MUKA 1

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, masalah yang dihadapi oleh hospital ialah apabila tempoh menunggu untuk mendapatkan katil menjadi lebih lama ekoran berlakunya pertambahan pesakit sedangkan jumlah jururawat tidak mencukupi.

"Apabila jururawat tidak cukup, kita tidak dapat membuka wad. Sebab itu berlaku kesesakan di zon kecemasan dan ada pesakit yang tidak dapat dimasukkan ke wad."

"Untuk mengatasi masalah ini, kami telah berhubung dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memberi ruang kepada hospital swasta mengambil jururawat daripada luar negara."

"Ia hanya bersifat sementara iaitu selama tiga tahun dan diharapkan selepas tempoh itu, ada peningkatan jururawat tempatan," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini masalah itu belum diselesaikan kerana pihaknya masih tidak menerima sebarang kata putus dari KKM berhubung cadangan berkenaan.

"Memang mustahil untuk membuka wad sekiranya tidak mempunyai jururawat yang men-



DR. KULJIT

cukupi. Masalah itu menyebabkan ada pesakit yang perlu menunggu sehingga lapan ke 10 jam untuk mendapatkan katil di hospital swasta.


"Ada beberapa kes sekiranya wad penuh, kita perlu tunggu sehingga ada pesakit yang discaj daripada wad, baru pesakit lain boleh mendapat tempat di wad."

"Masalah ini bukan sahaja berlaku di Lembah Klang, malah di hampir kebanyakan hospital di seluruh negara," ujarnya.

Tambah beliau, setakat ini sebanyak 154 hospital swasta berdaftar di bawah Persatuan Hospital Swasta Malaysia.

Kuljit berkata, perkara itu sudahpun dibangkitkan beberapa tahun kebelakangan, terutamanya selepas dunia dan negara dilanda pandemik Covid-19.

"Buat masa ini, hanya jururawat dengan kepakaran khas sa-



ISU kekurangan jururawat di hospital-hospital swasta semakin serius sehingga menyebabkan tempoh masa menunggu untuk mendapatkan rawatan menjadi lebih lama. - GAMBAR HIASAN

haja dibenarkan dibawa masuk ke negara kita, tetapi itu bukan yang diperlukan ketika ini.

"Kita perlukan jururawat biasa supaya dapat memenuhi syarat Akta Perkhidmatan Hospital Swasta di mana syaratnya kita perlukan jumlah jururawat yang mencukupi sebelum membuka wad untuk pesakit," katanya.

Susulan itu, katanya, pihak persatuan berharap agar keputusan dan pelaksanaan kerajaan untuk memperhalusi dan mempertimbangkan perkara ini perlu dilaksanakan secepat mungkin.

Terdahulu, tular beberapa perkongsian daripada orang ramai di media sosial mengenai kesukaran mereka untuk menda-

patkan rawatan apabila kebanyakan hospital swasta dilaporkan penuh.

Kebanyakan pesakit yang berdepan masalah untuk mendapatkan katil di hospital berkenaan adalah berkaitan wabak influenza yang dikaitkan dengan punca berlakunya kesesakan di hospital-hospital berkenaan.

Ibu bapa panik, tunggu dua hari untuk dapat katil

PETALING JAYA - Isu kesesakan pesakit sama ada di hospital awam mahupun swasta di Lembah Klang mencetuskan kegusaran dalam kalangan ibu bapa yang ingin mendapatkan rawatan segera untuk anak mereka.

Berdasarkan tinjauan, ada pihak mendakwa mereka terpaksa mengunjungi sehingga dua atau tiga hospital selain perlu menunggu selama dua hari untuk mendapatkan bilik atau katil.

Seorang pekerja swasta dikenali sebagai Jeff, 48, berkata, dia agak panik selepas dimaklumkan hospital berdekatan kediamannya di Nilai, Negeri Sembilan telah penuh dan tidak menerima sebarang pesakit.

Katanya, dia jugak agak tertekan berikutan anak perempuannya mengalami demam panas selain sempit sejak Khamis lalu.

"Anak saya mula demam di sekolah dan mungkin berjeng-



JUMLAH kemasukan kanak-kanak ke hospital meningkat sejak kebelakangan ini disebabkan wabak influenza. - GAMBAR HIASAN

kit daripada rakan sekelas. Pada awalnya, saya bawa dia ke klinik dan doktor periksa kadar degupan jantungnya agak tinggi.

"Doktor maklumkan untuk bawa ke hospital jika keadaan

semakin teruk. Namun, bila sampai di sebuah hospital swasta, mereka beritahu kena tunggu dua hari untuk dapatkan bilik dan cadangan untuk pergi ke hospital awam.

"Saya rasa agak panik kerana takut hospital awam tidak terima anak saya. Mereka turut maklumkan yang kebanyakan hospital swasta yang lain juga penuh," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Jeff berkata, dia kemudian terpaksa membawa anaknya ke sebuah hospital swasta lain meskipun sedikit jauh kerana bimbang dengan keadaan anaknya.

"Bila sampai di sana, saya diberitahu mereka tidak terima kes yang memerlukan isolasi. Jadi bila periksa, mereka sahkan bahawa Amani kena Influenza A."

"Jadi Amani tidak boleh ditempatkan di situ dan mereka hanya bagi ubat anti-virus. Sejujurnya, saya masih risau kerana Amani perlu diberi perhatian rapi disebabkan mengalami dehidrasi," ujarnya.

Seorang pekerja swasta dikenali Osman, 31, turut mengakui

kecewa apabila anaknya yang berusia dua tahun mengalami demam panas dan terpaksa melalui proses mendapatkan rawatan yang agak lama.

"Sudah beberapa hari anak saya demam panas sebelum dibawa ke hospital. Ketika itu suhu sudah mencecah 38 Celcius."

"Selepas kami dapat tahu beberapa hospital swasta terdekat penuh, kami terus bawa ke unit kecemasan hospital awam di Serdang," katanya.

Osman berkata, anaknya terpaksa menunggu giliran lebih empat jam untuk bertemu doktor sebelum dimaklumkan mengenai rawatan.

"Kami tunggu dari pukul 2 petang sehingga pukul 6.30 petang baru tahu dia perlu dimasukkan ke hospital. Selepas itu, tunggu katil pukul 11 malam baru dapat bilik," luahnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

20 PRPA ditempatkan di seluruh negara

Bantu kurangkan
masa tindak balas
perkhidmatan
ambulans

KOTA BHARU

Sebanyak 20 lokasi Pusat Operasi Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulans (PRPA) Titik Panas yang dikendalikan oleh St John Ambulans Malaysia (SJAM) telah ditempatkan di seluruh negara.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, perkhidmatan itu, diperkenalkan bagi membantu mengurangkan masa tindak balas perkhidmatan ambulans ketika berlaku kecemasan.

"Bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan masa tindak balas dicapai, pihak SJAM sedang berusaha untuk memperoleh kenderaan ambulans, peranti dan peralatan perubatan baharu.

"Purata masa respons dengan pelaksanaan PRPA titik panas ini ialah selama 15 minit, sekitar radius 10



Dr Zaliha melihat unit AED semasa lawatan ke PRPA Kota Bharu yang dikendalikan SJAM di Masjid Al-Fattah Nilam Puri pada Ahad.

hingga 15 kilometer. Oleh itu, kita harap usaha ini akan diteruskan secara berperingkat di lokasi-lokasi lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat PRPA Titik Panas Kota Bharu, sempena Hari Terbuka dan Program Komuniti Masyarakat di Masjid Al-Fattah dekat Kampung Nilam, di sini pada Ahad.

Dr Zaliha berkata, pihak SJAM turut menyasarkan untuk menempatkan 111 unit Peranti Defibrilator Luaran

Automatik (AED), di seluruh negara.

"Setakat ini, sebanyak 73 AED telah ditempatkan di lokasi seperti pusat beli-belah, stesen pengangkutan awam, sekolah, tempat ibadat, pejabat kerajaan dan sebagainya di Lembah Klang.

"Pada Ahad, buat pertama kalinya kita berikan tiga unit AED ditempatkan di luar kawasan Lembah Klang, iaitu di Masjid Al-Fattah, Pasar Siti Khadijah dan Kompleks Belia dan Sukan Panji, Kelantan," katanya. - Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

A growing need for sex ed

Practical solutions required for teen pregnancies, baby dumping, STDs

Reports by FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: With the number of abandoned babies in the country on the rise, experts are pleading for the root causes to be addressed.

Top of the list is a comprehensive sexual education framework to create awareness on the issue and amendments to relevant laws, said the Malaysian Medical Association. Its president Dr Muruga Raj Rajathurai said creating a proper sex education structure was key in ensuring that adolescents were equipped with the right knowledge.


"For decades, we have failed to implement this. We need to look at this issue in a holistic manner, providing practical solutions that are in tandem with the realities of what all our teenagers are facing."

"Amendments to the law must be considered for adolescents who are in need of sexual and reproductive health services, including the provision of contraceptives."

"Adolescent sexual activity and unprotected sex, in particular, is an issue of great concern to all stakeholders working towards the well-being of the young," he told *The Star* in response to the findings from the Health Ministry's Adolescent Health Survey (AHS) 2022. The survey revealed that 33% of teenagers in the country had engaged in sexual activities before reaching the age of 14.

This was in line with the key findings of the Institute for Public Health's National Health and Morbidity Survey (NHMS): Adolescent Health Survey (AHS) 2022, which involved secondary students aged between 13 and 17.

Dr Muruga Raj said failure to



address the issue in an effective manner posed risks to young adults and adolescents in navigating through what he termed as the most tumultuous phases of their lives. This could have a permanent effect on the ability to reach their full potential in adulthood, he added.

"Among the dangers and unintended consequences associated with this issue are unplanned pregnancies, abortions, unplanned births, baby dumping and sexually transmitted diseases (STDs), which affect their mental and physical health - at times, irreversibly."

"Adolescent mothers are more likely to initiate prenatal care late, have poor prenatal health behaviours, lower breastfeeding initiation and duration rates, experience more stressful life events and postpartum depression symptoms."

"They also face a higher risk of

eclampsia (seizures that occur in pregnant women), puerperal endometritis (inflammation and infection of the uterus) and systemic infections, while their babies face higher risks of low birth weight, preterm birth and severe neonatal conditions," he said.

Parents of such adolescents should acknowledge these issues openly, he said, adding that they should not be judgmental in discussing this with their children.

OrphanCare Foundation advocacy, communications and fund-raising manager Riza Alwi said the NGO had noticed a rising number of girls below the age of 18 engaging in sexual activities. She said the remedy should not just be about abstinence but include prevention methods, setting boundaries and safe sex.

"We have to acknowledge that there are things beyond our con-

trol, but what we can do is prevent unwanted pregnancies. We have to start talking about relationships beyond the 'sperm and ovum' taught in biology class. Boys and girls need awareness on what to do and how to be safe."

"This is where parents can play a role by talking to them and discussing these matters," she added.

Riza said OrphanCare has been conducting talks on preventive reproduction in schools and universities around the Klang Valley since 2019.

"Many girls would approach us in private later to say they did not even know they had been a victim of rape, sexual harassment or molestation. This is why we have to talk to them about prevention and setting boundaries," she added.

OrphanCare, which advocates and works to give children in institutions and unplanned newborn babies the opportunity to grow in the care of a family, has saved 526 babies since 2009. Of this number, 332 were eventually adopted, 179 parented by their mothers after counselling and 15 referred to the Welfare Department. In 2022, it received 46 babies, and up to June 26 this year, has already taken in 25 babies.

"The ones who have not been adopted have Down Syndrome or HIV. The cases usually involve university students and young adults, but we have received cases involving the underaged who were not aware of sexual repercussions," said Riza.

Recently, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri told Parliament that 256 cases of abandoned babies were recorded from 2020 to 2022, based on police statistics.

Ongoing reproductive and social health ed necessary

PETALING JAYA: In an effort to raise awareness on reproductive health and prevent "risky behaviour", as many as 5,864 Reproductive and Social Health Education (Pekerti) programmes were carried out from 2011 to 2022.

The Women, Family and Community Development Ministry, through the National Population and Family Development Board, said it has set up 18 KafeTeen Youth Centres to increase access to Pekerti, which has benefited 296,211 teenagers and parents.

The Pekerti programme targets those aged between 13 and 24, as well as the parents, guardians and educators of special needs children. The ministry said the programme has been expanded to schools, special education schools, Keluarga Malaysia Digital Economic Centres (PEDi) and local communities.

Information on health reproductive services, psychosocial counselling services, education programmes and skills development are also available to teenagers via KafeTeen Youth Centres.


The ministry also said that from 2006 to 2022, a total of 843,222 teenagers throughout the country participated in the Education and Skills Development Programme implemented through KafeTeen Youth Centres.

"A total of 37,435 teenagers have benefited from the Reproductive Health Advisory Service while 19,228 teenagers have sought social counselling services at KafeTeen Youth Centres," the ministry said in a statement to *The Star*, adding that the National Population and Family Development Board has also collaborated with the Education Ministry to run KafeTeen with the Peer Mentor Programme focusing on reproductive and social health education for secondary students.

A collaboration with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) was also implemented to spread awareness on reproductive and social health among target teenage groups in rural communities.

The KafeTeen Youth Centre programme is conducted physically at its premises, but is also available through the myKafeTeen mobile app, social media, various outreach programmes and KafeTeen Trucks, especially in rural areas.

KafeTeen Youth Centres also encourage teenagers to register as a Sahabat KafeTeen. To date, 127,482 teenagers have registered.



Sarawak still has highest number of unmarried teen pregnancy cases

PETALING JAYA: Sarawak continues to have the highest number of unmarried teen pregnancies with 859 cases recorded last year. This is followed by Sabah (329), Selangor (317), Johor (315) and Perak (223), the Health Ministry's (MOH) family health development division revealed.

Although the number of adolescent new antenatal cases registered at the primary healthcare facilities reduced from 10,349 cases in 2019 to 8,153 in 2022, the number of unmarried teen pregnancies were still prevalent.

In 2019, there were 4,163 such pregnancies, followed by 3,831

(2020), 3,233 (2021) and 2,908 (2022).

The MOH National Health and Morbidity Survey (NHMS): Adolescent Health Survey (AHS) 2022 revealed that 154,646 adolescents in the country had engaged in sexual activities, with 33% having engaged in sexual

activity before the age of 14.

The age of consent for sex in Malaysia is 16.

The survey was conducted from June 12 to July 8, 2022, involving secondary students aged between 13 and 17.

Even more shocking was that 75% of them reported having sex

recently, with 88% not using condoms or birth control options. Equally disturbing was that 11% of the teens had more than one sexual partner.

Parliament was told last year that on average, 10,000 pregnant teens opted for services at government health facilities every year.